

30 JUN 2003

Syed Hamid-Air/I

HUBUNGAN M'SIA-S'PURA TIDAK PERLUKAN ELEMEN FIKSYEN - SYED HAMID

PUTRAJAYA, 30 Jun (Bernama) -- Hubungan jangka panjang antara Malaysia dan Singapura harus berdasarkan fakta dan kebenaran tanpa penyuntikan "fiksyen" yang boleh merosakkan hubungan kedua-dua negara, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Mengulas mengenai sebuah buku kecil yang diterbitkan oleh Singapura bertujuan menceritakan bagi pihaknya isu harga pembelian air dengan Malaysia, beliau mempersoalkan motif di sebalik penerbitan buku itu.

"Saya hanya mahu bertanya soalan ini: apa faedahnya bagi mereka? Adakah mereka mahu mengelirukan rakyat Malaysia atau mahu menjustifikasikan tindakan tidak munasabah mereka kepada rakyatnya kerana rakyatnya membayar lebih banyak lagi untuk air.

"Tetapi mereka hanya membayar kita tiga sen untuk setiap 1,000 gelen air mentah. Itu tidak masuk akal," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampian anugerah cemerlang kementerian itu di sini.

Akhbar hari ini memuatkan laporan tentang buku kecil berjudul "Rundingan Air-Hakikat Yang Sebenarnya" antara lain menuduh Malaysia sebagai pihak yang tidak munasabah sehingga menyebabkan rundingan air itu tergendala dan sentiasa mengubah pendirian khususnya dalam menetapkan harga air mentah.

Syed Hamid menyifatkan langkah terbaru Singapura itu sebagai satu "tipu helah" memandangkan sebelum ini surat-surat rahsia berkaitan rundingan air telah disiarkan oleh republik itu.

Katanya beliau menyedari kewujudan buku kecil itu tidak berapa lama dulu tetapi memilih untuk berdiam sahaja semata-mata bagi menjalinkan hubungan dua hala yang baik dengan negara jiran itu.

"Saya harap Singapura memahami keadaan ini. Ia tidak akan memberi kelebihan dengan mereka-reka cerita dan saya fikir bagi kes ini khususnya, ia adalah satu cerita fiksyen yang amat baik yang mereka telah cipta.

"Janganlah kita mereka-reka fiksyen yang boleh merosakkan hubungan atau mewujudkan kekeliruan," katanya.

Syed Hamid berkata segala ketidakadilan Singapura dan sikap tidak munasabahnya dalam hubungan dua hala dengan Malaysia perlu didedahkan.

Katanya Wisma Putra akan mengeluarkan penerbitannya sendiri mengenai perkara itu bagi menyangkal semua "gambaran salah, kenyataan yang separuh benar dan kenyataan-kenyataan yang mengelirukan."

Syed Hamid berkata buku kecil itu akan menyampaikan fakta-fakta yang sedia ada secara terus terang dan "kita tidak akan menggunakan bahasa mereka".

Katanya adalah penting bagi rakyat Singapura mengetahui kedudukan sebenar berhubung rundingan air itu.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) kita sehinggakan berkata bahawa kita tidak mempunyai masalah membekalkan air kepada Singapura. Tetapi ia haruslah dengan harga yang berpatutan yang mencerminkan aspek komersialnya.

"Kenapa mereka tidak mempunyai keberanian untuk berkata, ya, harga air itu memang tidak berpatutan, kita bersedia mengkajinya, mari kita duduk dan bincang," kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

MAM DC RON